



BERITA DUNGUN

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN

EDISI 2020



MS 21

MAJLIS PERASMIAN TASKA
PERMATA KELUARGA



MS 10

MAJLIS PENGAKUAN
MENERIMA JAWATAN
(ANGKAT SUMPAH) AHLI-
AHLI MAJLIS,
MAJLIS PERBANDARAN
DUNGUN

MS 25

TAMAN KUCING DUNGUN
YDP BERSAMA VATERINAR



MS 24

LAMBAIAN KASIH & APC
BULANAN





KULIAH 'KELUASAN RAHMAT ALLAH

10.12.2020



eCENSUS BANGSI MALAYSIA 2020 MPD

16.12.2020



TAMAN KUCING DUNGUN

YDP BERSAMA VATERINAR

02.11.2020

Taman Rimba Bukit Bauk di sini yang sinonim sebagai pusat riadah dan aktiviti pendakian kini mempunyai satu lagi daya tarikan baharu kepada pengunjung iaitu Taman Kucing Dungun.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Lizan Che Mat berkata ketika ini, sebanyak 30 ekor kucing jalanan yang dijumpai sepanjang operasi MPD di pasar, kedai makan dan tempat awam lain telah ditempatkan di Taman Kucing Dungun untuk dirawat.

"Taman Kucing Dungun adalah satu inisiatif kami untuk memastikan kawasan tumpuan awam bebas daripada gangguan kucing jalanan dan pada masa sama memastikan haiwan ini terjaga.

"Inisiatif ini telah dimulakan pada tahun 2012 di Teluk Lipat dekat Sura namun lokasi itu tidak lagi sesuai untuk penempatan Taman Kucing Dungun ini, sebab itu kita pindahkan ia ke Taman Rimba Bukit Bauk pada Julai lepas kerana kawasan ini lebih sesuai sekali gus menjadi satu lagi destinasi pilihan bagi pencinta kucing," katanya ketika ditemui pemberita di sini hari ini.

Terdapat lima sangkar pengasingan disediakan mengikut kategori kesihatan haiwan iaitu Unit Rawatan Rapi, Unit Pemulihan, Unit Kucing Bahagia, Wad Keluarga Bahagia serta Wad Rawatan Ibu dan Anak.

Mengulas lanjut, Lizan berkata Taman Kucing Dungun itu mampu memuatkan 150 kucing pada satu-satu masa yang dikendalikan dua kakitangan MPD ketika ini.

"Setakat ini, tiada sebarang bayaran masuk dikenakan kepada pelancong, malah kawasan ini juga sesuai dijadikan pusat rekreasi untuk keluarga yang cintakan alam semulajadi.

"Kami juga amat menggalakkan pengunjung untuk menyumbang makanan, ubat-ubatan, peralatan dan sumber kewangan untuk menampung keperluan kucing tersebut," katanya. — BERNAMA



TAMAN KUCING BERSAMA VOLUNTEER(SUKARELAWAN) RAWAT KUCING



LAMBAIAN KASIH & APC BULANAN

Setiasaha MPD; Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif yang bakal bertukar ke Majlis Bandaraya Kuala Terengganu (MBKT) sebagai Setiausaha diraikan pada majlis Lambaian Kasih serta Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bulanan di Dewan Utama, MPD.

Lukema Meri, 54, yang berkhidmat di MPD sejak 3 November 2019 akan bertukar ke MBKT berkuatkuasa 22 Oktober 2020. Seramai 45 orang pegawai tadbir negeri terlibat dalam pertukaran pegawai tadbir pada kali ini.

Warga MPD mengucapkan selamat maju jaya dan mendoakan semoga Tuan Haji Lukema Meri sentiasa dilindungi Allah SWT serta terus memberikan perkhidmatan yang cemerlang.

Terima kasih, selamat bertugas dan jasanya tetap dikenang.

**ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG**

03.12.2020



JURI KEJIRANAN HIJAU

Sesi penjurian Anugerah Kejiranan Hijau 2020 (AKH 2020) di Kampung Limbong, Kuala Paka bagi kategori Individu/Komuniti Perumahan Kampung Luar Bandar. Turut hadir, Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun; Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif dan pegawai-pegawai dari PLANMalaysia.

24.09.2020





Daerah Dungun tidak ketinggalan menyertai World Cleanup Day 2020 yang diadakan serentak di seluruh negeri Terengganu dan juga negara-negara lain pada hari ini.

Program yang melibatkan 100 orang kakitangan Majlis Perbandaran Dungun termasuk kontraktor pembersihan awam Zon B turut mendapat kerjasama daripada Lang Tengah Turtle Watch dan jugak pengurusan Tanjong Jara Resort.

Program bermula jam 8:00 pagi hingga 10:00 pagi ini diadakan di sepanjang Pantai Teluk Bidara. Hasil daripada program ini, sebanyak 541.13 kilogram sampah telah dikutip termasuk lebih 500 puntung rokok.

Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun; Tuan Haji Lizan bin Che Mat berkata beliau menyambut baik penganjuran program gotong-royong yang turut melibatkan kerjasama di antara agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO).

"Gotong-royong bukan sahaja program membersihkan kawasan, tetapi juga merupakan salah satu platform membuktikan bahawa setiap lapisan masyarakat tidak mengira kaum turut cakna dengan kebersihan alam sekitar, katanya ketika merasmikan World Cleanup Day 2020 Daerah Dungun.



15 SEPTEMBER 2020



Pengerusi Jawatankuasa Kebajikan, Pembangunan Wanita dan Keluarga dan Perpaduan Nasional; YB Haji Hanafiah bin Mat telah merasmikan Taska Permata Keluarga Majlis Perbandaran Dungon (MPD) pada 15 September 2020. Turut hadir ke majlis berkenaan adalah ADUN Rantau Abang dan ADUN Sura; YB Haji Alias bin Harun dan YB Haji Hapandi bin Wan Nik serta Pengarah Yayasan Pembangunan Keluarga (YPK) Negeri Terengganu; Tuan Haji Wan Zaki bin Wan Abdullah. Taska Permata Keluarga MPD merupakan taska di tempat kerja yang keenam diwujudkan hasil inisiatif MPD untuk kebajikan kakitangan. Seramai 23 orang kanak-kanak terdiri daripada bayi hingga ke umur 4 tahun ditempatkan di taska dan mendapat didikan daripada 6 orang guru lantikan YPK. Semoga taska ini menjadi pemangkin kepada kelahiran modal insan yang berkualiti, dan menjadi insan yang berkeperibadian mulia yang akan mewarisi kepimpinan negara suatu hari nanti. #buletinMPD



PERTANDINGAN MEMASAK BUBUR ASYURA ANTARA RUMAH MPD

10.09.2020





NIGHT FUN RIDE

— 28.08.2020 —

City Night Fun Ride 2020

Program daripada Kelab Sukan dan Kebajikan MPD (KESUMA) sempena hari Kemerdekaan Malaysia yang ke 63 berlangsung dengan jayanya semalam 28 Ogos 2020, Jumaat jam 8.30 malam.

Program dirasmikan oleh Penaung KESUMA iaitu Tuan Haji Lizan bin Che Mat dan diiringi dengan Pengerusi KESUMA, Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh.



MP DUNGUN
Bukit Bank
JUNGLE TREKKING
26.08.2020





MESYUARAT AHLI MAJLIS BERSAMA ECER

27.07.2020



TAKLIMAT TENDER KEBERSIHAN

17.08.2020





MUHIKIBAH

Majlis Perbandaran Kulai (MPKU)

16.07.2020

Menerima kunjungan daripada Yang Dipertua Majlis Perbandaran Kulai (MPKu); Tuan Haji Mohammed Shakib bin Haji Ali, Ahli-Ahli Majlis dan warga kerja MPKu pada 16 Julai 2020.

Kehadiran Tuan Haji Mohammed Shakib dan rombongan ke Majlis Perbandaran Dungun (MPD) disambut dengan penuh rasa berbesar hati oleh Yang Dipertua MPD; Tuan Haji Lizan bin Che Mat serta para pegawai.

Warga MPD telah menerima jemputan ke MPKu pada tahun lepas untuk perkongsian ilmu berkaitan dengan urban planning dan melawat gated community Bangunan Industri bagi projek I-Park Senai.

Kini, giliran MPD pula menerima kehadiran MPKu untuk menimba ilmu berkaitan sistem OSC 3 Plus Online, memandangkan MPD merupakan perintis bagi sistem baharu yang diperkenalkan oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT).

Semoga jalinan ukhwa yang terbina diantara MPD dan MPKu dapat berkekalan serta dirahmati Allah SWT.



PROGRAM INFO ON WHEELS (LOW)

20.07.2020

Yang Dipertua; Tuan Haji Lizan bin Che Mat dan pegawai serta kakitangan Jabatan Penerangan Daerah Dungun telah mengedarkan kira-kira 100 bendera Jalur Gemilang di daerah Dungun sempena sambutan bulan kemerdekaan pada tahun ini.

PROGRAM DISINFEKSI PASAR AWAM DAN PASAR BORONG DAERAH DUNGUN

10.04.2020



POLIS DUNGUN BERSAMA PKD DAN MPD - SOP COVID 19

DUNGUN 1 Julai 2020 - bertempat di Tanjung Jara Resort Dungun Terengganu, Ibu Pejabat Polis Daerah Dungun, Terengganu bersama Pejabat Kesihatan Daerah Dungun dan Majlis Daerah Dungun telah menjalankan pemeriksaan SOP COVID 19 di kawasan Tanjung Jara Resort, Dungun Terengganu.

Tujuan pemeriksaan untuk menunjuk dan mempamerkan kehadiran polis beruniform ditempat awam dan memberi garis panduan berkenaan SOP PKPP COVID-19.

Selain itu, tujuan pemeriksaan bagi merapatkan hubungan polis bersama PKD dan pihak berkuasa tempatan serta dapat Merapatkan hubungan



MESYUARAT

JAWATANKUASA KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN NEGERI TERENGGANU KALI KE-2/2020

Pengerusi Jawatankuasa Kerajaan Tempatan, Perumahan, Kesihatan dan Alam Sekitar Terengganu; YB Dr. Haji Alias bin Razak mempengerusikan mesyuarat Jawatankuasa Kerajaan Tempatan dan Perumahan Negeri Terengganu Kali Ke-2/2020 di Majlis Perbandaran Dungun pada 14 Julai 2020.



PEMERIKSAAN PREMIS PERNIAGAAN DAERAH DUNGUN

02.07.2020





Pada pagi ini, pihak MBSA menerima lawatan dari Majlis Perbandaran Dungun (MPD), Terengganu yang ingin berkongsi pengalaman berkaitan pengurusan menara telekomunikasi. Delegasi diketuai oleh Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh@Abdul Latif, Setiausaha MPD. Taklimat dari pihak MBSA telah disampaikan oleh En. Ahmad Chairil Zen, Penolong Pengarah Kanan, Jabatan Bangunan bertajuk "Pengurusan Menara Telekomunikasi di kawasan pentadbiran MBSA". Turut hadir para pegawai dari jabatan teknikal MBSA.

22.07.2020

**MAJLIS BANDARAYA
SHAH ALAM (MBSA)
menerima lawatan
dari MAJLIS
PERBANDARAN
Dungun (MPD)**



Warga Majlis Perbandaran Dungun (MPD) mengucapkan selamat maju jaya kepada Ahli-Ahli Majlis Perbandaran Dungun iaitu Yang Berbahagia Puan Eliza Sufinah binti Mat Sepin; Jurutera Daerah Dungun dan Yang Berbahagia Dr Aminuddin bin Ma'pol; Pegawai Kesihatan Daerah Dungun atas pertukaran ke Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Negeri Terengganu dan Pejabat Kesihatan Daerah Maran.

Ribuan terima kasih diucapkan atas segala sumbangan bakti dan baik budi Puan Eliza dan Dr Aminuddin sepanjang berkhidmat sebagai Ahli Majlis Perbandaran Dungun.

Malam hari berlagu unggas,
Memecah sunyi di dalam hutan,
Walau terpisah tempat dan tugas,
Jasamu tetap dalam ingatan



MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN



03.06.2020

MAJLIS PENGAKUAN MENERIMA JAWATAN (ANGKAT SUMPAH) AHLI-AHLI MAJLIS, MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN



13.6.2020

OPERASI HAIWAN MERAYAU JABATAN PENGUATKUASAAN DALAM KAWASAN MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN





PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN HARI KE-23

Jenis Aktiviti: Aktiviti Disinfeksi Tempat Awam (Bank, Stesen Minyak dan mesin ATM) di Dungun dan Paka bagi menangani Covid-19 dengan kerjasama di antara MPD, Bomba dan Pejabat Kesihatan Dungun

Lokasi: Bank, Stesen minyak dan mesin ATM di Dungun dan Paka

Telah dibuat kerja-kerja disinfeksi pada 9 April 2020 bermula jam 8.30 malam

*Program Disinfeksi @ nyahkuman ini akan diadakan di lokasi seterusnya seperti Pasar Besar Dungun, Pasar Paka, Taman rekreasi dan kawasan tumpuan awam yang lain secara berperingkat.

*operasi ini turut dihadiri sama oleh Tn YDP, diiringi Pengarah Pelesenan dan Pengarah Kesihatan MPD.



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN FASA 3

Jenis Aktiviti: Aktiviti Disinfeksi Tempat Awam (Taman Permainan dan Taman Rekreasi) Bagi Menangani Covid-19

Lokasi: Taman-taman Permainan & Rekreasi Dalam Seliaan MPD

Telah dibuat kerja-kerja disinfeksi di 16 lokasi taman-taman permainan dan rekreasi pada 19-22 April 2020.



AKTIVITI DISINFEKSI TEMPAT AWAM

Jenis Aktiviti: Aktiviti Disinfeksi Tempat Awam (Stesen Minyak) di Dungun dan Paka Bagi Menangani Covid-19 dengan kerjasama di antara MPD, Bomba dan Pejabat Kesihatan Dungun

Lokasi: Stesen minyak di Dungun dan Paka
Telah dibuat kerja-kerja disinfeksi pada 8 April 2020 bermula jam 8.30 malam

*Program Disinfeksi @ nyahkuman ini akan diadakan di lokasi seterusnya seperti Pasar Besar Dungun, Pasar Paka, taman-taman rekreasi dan kawasan tumpuan awam yang lain secara berperingkat..



Untuk makluman, MPD telah membantu Bomba Dungun bagi kerja-kerja disinfeksi bas pelajar pada 3 Mei 2020 (Ahad) sebagaimana berikut:


Lokasi : UITM Dungun
Masa : 5.00 petang
Bil. Kenderaan : 6 buah bas

PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN HARI KE-14

- Jenis Aktiviti** : Kawalan menghadkan orang ramai ke Pasar Besar Dungun dan pemeriksaan kepada penaja yang dibenarkan sahaja oleh Jabatan Penguatkuasaan, MPD.
- Lokasi** : Pasar Besar Dungun dan sekitar kawasan operasi MPD
- Masa** : Pagi dan petang
- Pesanan/cadangan** : Hanya seorang sahaja dibenarkan untuk ke pasar bagi membeli barang keperluan dan selepas membeli terus pulang ke rumah masing-masing.



Jabatan Penguatkuasaan MPD menjalankan operasi terhadap peniaga peniaga yang masih ingkar pada arahan PKP untuk menutup premis pada jam 6 petang.



Mulai 31 Mac 2020, pihak Penguatkuasa MPD, PDRM dan RELA Dungun akan berada di Pasar Besar Dungun untuk memastikan pengunjung mengamalkan "social distancing" semasa membeli di pasar sebagai salah satu cara untuk mencegah wabak Covid-19.



PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN HARI KE-13

#STAYATHOME



Jenis Aktiviti: Aktiviti Disinfeksi Tandas Awam dan Surau Milik Majlis Perbandaran Dungun Bagi Menangani Covid-19

Lokasi: 16 Tandas Awam dan 6 Surau di Daerah Dungun Telah dibuat kerja-kerja disinfeksi pada 30 Mac 2020 di 7 buah tandas iaitu :

- 1)Tandas Awam Rantau Abang
- 2)Tandas Awam Batu Pelanduk
- 3)Tandas Awam Medan Ikan Bakar dan Surau
- 4)Tandas Awam Gerai Bijangga dan Surau
- 5)Tandas Awam Belakang Pejabat Pos
- 6)Tandas Awam Pasar Besar Dungun
- 7)Tandas Awam Taman Poket




Jenis Aktiviti: Aktiviti Disinfeksi Tandas Awam dan Surau Milik Majlis Perbandaran Dungun Bagi Menangani Covid19 (hari ke-2)

Lokasi: 16 buah tandas awam dan 6 surau milik Majlis Perbandaran Dungun

Kerja-kerja disinfeksi telah di buat pada 31 Mac 2020 melibatkan 10 buah tandas dan 4 buah surau iaitu

- 1)Tandas Awam Bukit Bauk
- 2)Tandas Awam Pasar Paka
- 3)Tandas Awam Gerai Cacar Paka
- 4)Tandas Awam Pusat Niaga Paka
- 5)Tandas Awam Taman Tasik Tanjung Sura
- 6)Tandas Awam Teluk Gadong dan Surau
- 7)Tandas Awam Teluk Lipat dan Surau
- 8)Tandas Awam Sura Jetty
- 9)Tandas Awam Kompleks Perniagaan Sura Gate dan Surau
- 10) Tandas Awam Pusat Perniagaan Sura Gate dan Surau

*Program disinfeksi @ nyahkuman ini akan diadakan di lokasi seterusnya iaitu Pasar Besar Dungun, Pasar Paka, taman-taman rekreasi dan kawasan tumpuan awam yang lain secara berperingkat.





Majlis Perbandaran Dungun (MPD) menerima lawatan daripada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA) bagi audit Program Menaiktaraf Kawasan Perindustrian Berintegrasi Sedia Ada di Bawah RMK-11 Negeri Terengganu Tahun 2020 pada 19 Februari 2020 di daerah Dungun.

MPD diketuai oleh Yang Dipertua; Tuan Haji Lizan bin Che Mat dan pegawai-pegawai daripada jabatan teknikal MPD iaitu Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perancangan Bandar & Desa, Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta, dan Jabatan Kesihatan Persekutuan manakala wakil MIDA adalah pegawai-pegawai daripada Bahagian Sokongan Pasca-Pelaburan & Infrastruktur iaitu Sherulanuar Abd. Karim dan Noraida Mat Husin, wakil MIDA Terengganu; Nooraimie Afzan. Turut hadir adalah wakil Unit Perancang Ekonomi (UPEN); Muhammad Faris Azri Bahaman serta wakil daripada Unit Penyelaras Pelaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri. (JPM).

Tujuan lawatan adalah untuk pihak MIDA mengenalpasti keperluan projek menaiktaraf infrastruktur di kawasan perindustrian Batu 7 dan menilai cadangan daripada pihak MPD. Diharap hubungan yang terjalin di antara MPD dan MIDA kekal berterusan dalam usaha untuk menjadikan kawasan perindustrian Batu 7 sebagai kawasan perindustrian yang lebih kondusif dan kompetitif serta meningkatkan daya saing untuk menarik pelabur baharu.

Pembentangan rekabentuk awal bagi cadangan Pembangunan Landskap Perbandaran Dungun oleh konsultan arkitek landskap yang dilantik oleh Jabatan Landskap Negara (JLN).

Turut terlibat dalam pembentangan ini adalah Yang Dipertua, ketua-ketua jabatan dan pegawai-pegawai daripada bahagian teknikal Majlis Perbandaran Dungun (MPD).

MPD dalam perancangan untuk menaiktaraf keceriaan bandar Dungun untuk kesejahteraan warga Dungun dan juga menarik kehadiran pelancong ke bandar Dungun.

MAJLIS PERASMIAN DAN PENYERAHAN RUMAH (PPKB) DIBAWAH PROGRAM PEMBASMIAN KEMISKINAN BANDAR

03.03.2020



PROGRAM KAMPUNGKU SELAMAT

"DUNGUN BEBAS JENAYAH ,
BERKAT SEJAHTERA

Yang Berbahagia
Tn Hj Che Lizan Che Mat selaku Yang
Dipertua Majlis Perbandaran Dungun
ke majlis Program Kampungku
Selamat Peringkat Daerah Dungun.

Program ini dirasmikan oleh Ketua
Polis Negeri Terengganu ,
YDH DCP Dato Aidi Bin Ismail
Turut bersama
Pegawai Daerah Dungun
YB Parlimen Dungun
YB Dun Rantau Abang
Pegawai Penyelaras Dun Bukit Besi
Ketua-ketua jabatan kerajaan Daerah
Dungun



PERLAWANAN BOLA SEPAK PERSAHABATAN

MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN (2) VS
MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU (3)

Telah berlangsungnya perlawanan bola sepak antara pasukan Majlis Perbandaran Dungun menentang Pasukan Majlis Daerah Hulu Terengganu di Padang Arena Merdeka Dungun Perlawanan ini bertujuan mengeratkan silaturahmi antara PBT dan sebagai persediaan awal pasukan dalam menghadapi Pertandingan sukan bola sepak untuk tahun 2020 samada dalam parlimen dungun mahupun sukan peringkat negeri Keputusan perlawanan berpihak kepada pasukan Majlis Daerah Hulu Terengganu dengan jaringan 3-2 Majlis Perbandaran Dungun Turut serta adalah Yang Dipertua Majlis Perbandaran Dungun & Tuan Setiausaha Majlis Perbandaran Dungun





MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN

07.01.2020



PERJUMPAAN MAJLIS PERBANDARAN DUNGUN BERSAMA JABATAN TENAGA KERJA

07.01.2020



Perjumpaan Majlis Perbandaran Dungun bersama Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Negeri Terengganu yang diketuai oleh Tuan Yang Dipertua; Tuan Haji Lizan bin Che Mat, Setiausaha; Tuan Haji Lukema Meri bin Salleh @ Abdul Latif dan pegawai-pegawai kanan MPD manakala JTK diketuai oleh Pengarah JTK Negeri Terengganu; Mohd Hajazy bin Jusoh serta pegawai-pegawai.

Perjumpaan ini membincangkan bidang kuasa kelulusan pelan bangunan dan pengeluaran Sijil Layak Menduduki (CFO) terhadap pembinaan rumah pekerja di ladang-ladang dan kawasan lombong dimana ianya sebelum ini dikendalikan oleh pihak JTK dan telahpun diserahkan kepada pihak MPD berkuatkuasa mulai tarikh Majlis Daerah Dungun dinaiktaraf ke Majlis Perbandaran Dungun.





PENYERAHAN KIOSK PENJAJA BERGERAK

1 JANUARI 2020

Majlis Perbandaran Dungun (MPD) telah menyerahkan tiga unit kiosk penjaja bergerak bernilai RM10,500 di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) kepada tiga penerima terpilih di sekitar bandar Dungun.

Majlis penyerahan yang diketuai oleh Yang Dipertua; Tuan Haji Lizan bin Che Mat turut diiringi Pengarah Jabatan Khidmat Pengurusan; Khairul Azhan bin Mohd Yusof serta pegawai dan kakitangan MPD.

Yang Dipertua MPD berkata, kiosk sumbangan daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) tersebut adalah untuk menggalakkan penyertaan Kumpulan Berpendapatan 40% Terendah (B40) dalam projek-projek keusahawanan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan dan meningkatkan kualiti hidup.

“Selain itu, ianya juga dapat mengurangkan beban B40 di bandar untuk mendapatkan kiosk penjaja yang selamat dan selesa bagi menambahkan pendapatan.

“Dengan adanya kiosk ini, saya berharap para penerima dapat memanfaatkannya sebaik mungkin dengan berniaga secara konsisten setiap hari dan juga memastikan makanan yang dijual bersih dan terjamin kualitinya,” katanya.

Sementara itu, salah seorang penerima kiosk penjaja bergerak, Hamli bin Mohamad, 45 tahun dari Balai Besar berkata beliau bersyukur kerana permohonan untuk mendapatkan kiosk ini menjadi kenyataan.

“Sejak kemalangan di Batu 49 pada lima tahun lepas, saya telah kehilangan kerja sebagai mekanik penghawa dingin kerana tidak berupaya menjalankan kerja-kerja berat.

“Alhamdulillah dengan adanya kiosk ini saya dapat mencari pendapatan harian dengan menjual makanan di hadapan rumah saya yang berdekatan dengan SK Balai Besar,” katanya.

